

26/05/2003

KDEB mahu buktikan amanah majukan Biovalley

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Pembabitan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), dalam pembangunan Biovalley di Koridor Raya Multimedia adalah komitmen kerajaan

negeri untuk menyokong dan merealisasikan wawasan kerajaan dalam memajukan

bidang itu di negara ini .

Presiden KDEB, Datuk Zabir Bajuri, berkata selaku syarikat pelaburan utama kerajaan negeri, KDEB melalui anak syarikatnya, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHEB) diberikan mandat untuk melaksanakan projek bagi fasa pertama seluas 360 hektar melalui konsep perkongsian bestari dengan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

Beliau berkata, bagi fasa pertama, kementerian akan menggunakan sepenuhnya kawasan seluas 80 hektar untuk pembangunan tiga institut bioteknologi iaitu Institut Genomik dan Biologi Molekul, Institut Farmaseutikaldan Institut Agro-perhutanan di kawasan seluas 50 hektar setiap satu.

Sebagai pulangan, katanya, KHSB akan menyediakan kemudahan sokongan seperti kawasan perumahan, pusat rekreasi dan kemudahan awam selaras dengan misi kementerian untuk menjadikan kawasan sekitar sebagai pangkalan

untuk kecemerlangan penyelidikan bio teknologi.

"Selaku kontraktor Kelas A yang berpengalaman luas dalam membangunkan sektor pembinaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, KHSB akan membangunkan kawasan Biovalley dengan segala kemudahan dengan reka bentuk

moden seiring dengan konsep Biovalley sebagai kawasan sains dan teknologi," katanya di sini.

Majlis pecah tanah Biovalley yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Mei lalu menandakan satu impian negara sejak 12 tahun lalu menjadi kenyataan.

Dalam merangka projek Biovalley, Malaysia menjalin usaha sama dengan Amerika Syarikat menerusi Massachusetts Institute of Technology (MIT) kerana negara memerlukan kepakaran penyelidik dari Amerika selain beberapa

negara lain berminat melabur dalam Biovalley seperti Jepun dan Eropah.

Zabir berkata, KHSB kini siap menyediakan pelan pembangunan di kawasan itu yang membabitkan kawasan perumahan yang serba moden, pusat rekreasi serta kemudahan awam seiring dengan keperluan kementerian dan agensi lain

yang bakal menghuni di kawasan itu.

Menurut beliau, pemilihan KDEB dalam membangunkan Biovalley adalah pengiktirafan kerajaan kepada pengalaman dan keupayaan syarikat itu.

"Selepas KDEB diberi banyak tanggungjawab oleh kerajaan negeri untuk mencapai kecemerlangan melalui empat bidang utama perniagaan iaitu hartanah, infrastruktur dan Utiliti, Maklumat dan Teknologi Komunikasi serta Hospitaliti dan Rekreasi. Kini, KDEB berkembang dengan menjadi pemain utama dalam pembangunan projek negara yang bertaraf dunia," katanya.

Selain itu, katanya, Selangor, sebagai pusat tumpuan institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, serta pelbagai lagi institusi penyelidikan yang akan menyokong inisiatif bioteknologi yang akan dilaksanakan di Malaysia.

Dalam pada itu, Universiti Industri Selangor (Unisel) akan menggunakan sepenuhnya kawasan seluas 20 hektar tanah di Biovalley untuk membangunkan fakulti biovalley dan perniagaan sebagai objektif utama bagi melahirkan penyelidik dan usahawan yang berkeelayakan dan berkemahiran bagi membantu kerajaan mengembangkan dan memaksimumkan keupayaan pembangunan manusia dan kecemerlangan dalam bidang bioteknologi.